

MENANGANI REMAJA *Bermasalah*

Mendidik anak mengikut fasa usia yang berbeza memang ada cabarannya, lebih-lebih lagi apabila mereka meningkat remaja dan tidak dinafikan ada kenakalannya. Di sinilah memerlukan kesabaran, kematangan, kebijaksanaan kedua-dua ibu bapa agar dapat mendekati jiwa remaja anak-anak yang sedang menuju ke alam dewasa.



Berdasarkan pandangan Islam dan sokongan teori psikologi kaunseling barat, punca kenakalan remaja boleh dibahagikan kepada empat faktor:

1 Faktor keluarga

Akhlak anak bermula di rumah. Ini adalah kerana perkembangan mental, fizikal dan sosial adalah di bawah kawalan ibu bapa sejak mereka bayi lagi. Ketika menjelaskan perkara yang sama Rasulullah s.a.w. bersabda: Maksudnya: "Setiap anak yang dilahirkan adalah putih bersih, maka terpelanglah kepada kedua-dua ibu bapanya untuk meyahudikannya atau menasranikannya atau memajuskannya." (Riwayat Bukhari)

Oleh yang demikian jika anak remaja menjadi nakal atau liar, maka kemungkinan besar puncanya adalah daripada pembawaan keluarga itu sendiri:

Status ekonomi ibu bapa yang rendah dan daif di mana anak membesar dalam keadaan terbiar. Kehidupan ibu bapa yang bergelumang dengan maksiat. Ibu bapa lebih mementingkan kerjaya atau pekerjaan daripada menjaga kebajikan keluarga. Rumah tangga yang tidak kukuh atau bercerai berai. Syiar Islam tidak kukuh dalam rumah tangga.

2 Faktor Peribadi Yang Kotor

Peribadi yang kotor adalah merujuk kepada seseorang yang rosak akhlakinya atau mempunyai sifat-sifat yang keji (mazmumah) seperti pemaarah, tamak, dengki, pendendam, panas baran, sombong, tidak amanah dan seumpamanya. Keadaan ini berlaku kerana individu itu telah dikuasai oleh naluri agresif dan tidak rasional yang mewakili nafsu

kehidupan hasil daripada penderaan dan pengalaman yang diterima sejak kecil. Peribadi yang kotor mungkin telah bermula sejak kecil dan kemudian diperkukuh pula bila anak itu melalui zaman remaja. Dengan lain perkataan peribadi firah anak telah terencat dan menjurus kepada peribadi yang kotor.

3 Faktor sekolah

Ibu bapa tidak mengambil tahu kemajuan dan pencapaian anak di sekolah. Guru tidak mengambil tahu masalah yang dihadapi oleh murid-murid. Pengaruh rakan sebaya yang banyak membawa kepada keruntuhan akhlak. Anak-anak terkejut kerana dibuli oleh pelajar-pelajar lain. Anak-anak terkejut kerana gagal untuk memperolehi grad yang baik seperti yang diharapkan oleh ibu bapa dan sekolah. Anak-anak terkejut kerana terlalu banyak kerja sekolah dan kurikulum yang perlu disiapkan.

4 Faktor Persekitaran

Faktor persekitaran adalah merujuk kepada peranan "masyarakat, multi-media" dan pusat-pusat hiburan yang menyediakan pelbagai produk yang boleh menggalakkan dan meningkatkan rangsangan seksual. Aktiviti faktor persekitaran yang boleh merosakkan akhlak manusia ialah:

- ▶ Persembahan konsert rock.
- ▶ Pusat-pusat video game.
- ▶ Pengguguran.
- ▶ Pergaulan bebas lelaki dan perempuan.
- ▶ Penyiaran gambar lucah.
- ▶ Penubuhan pusat-pusat hiburan yang berunsur seks.
- ▶ Aktiviti simbol seks seperti perbandingan ratu cantik dan pertunjukan lesyen wanita.

Kaedah Pendidikan Hati

Sebagaimana kita ketahui bahawa dalam diri manusia terdapat dua naluri yang berlainan sifatnya yang selalu bersaing untuk mempengaruhi tabiat manusia. Imam Ghazali menyatakan hati dalam tubuh manusia dibaratkan sebagai Maharaja yang mengawal dan "mengawal" tabiat manusia, pembuat keputusan tabiat manusia sama ada baik atau buruk, betul atau salah. Hati itu sesuatu yang ada di dalam dada yang

berbentuk zat (bukan material), ia harus diisi dengan sesuatu. Bila Allah mengisinya, maka orang itu menjadi baik. Jika syaitan mengisinya, orang itu menjadi jahat. Oleh itu apabila kita berzikir bererti hati kita diisi dengan Allah, sentiasa bersama Allah dan tidak memberi tempat langsung kepada syaitan mempengaruhinya. Doronglah agar anak-anak sentiasa berzikir agar dapat jauhkan hati daripada gangguan syaitan. Zikir-zikir yang paling baik diamalkan ialah lafaz Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar, Lailanailallah.

Menghayati Ibadat Khusus

Ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji yang difardukan kepada umat Islam bertujuan melatih dan mengilap manusia supaya kekal dalam kaedah firah. Di antara ibadat khusus ini, sembahyang merupakan ibadat yang terpenting dalam pembentukan akhlak manusia. Allah berfirman: Maksudnya: "Sesungguhnya sembahyang itu boleh mencegah seseorang dari melakukan perbuatan yang keji dan munkar." (Surah Al-Ankabut:45).

Ibadat sembahyang dianggap senjata terpenting dalam pembentukan akhlak manusia berdasarkan keterangan berikut:

Rasulullah s.a.w. menyatakan sembahyang adalah ilang agama. Apabila seseorang tidak menunaikan sembahyang bererti orang lain tidak dapat membezakan seseorang itu Islam atau kafir. Keadaan ini memberi ruang kepadanya melakukan perbuatan keji "anpa segan silu".

Rasulullah s.a.w. telah berpesan bimbingan akhlak anak sejak kecil dengan cara membantu dan melatih anak bersembahyang bila ia berumur tujuh tahun. Oleh itu apabila anak mencapai umur 10 tahun dan masih keliratan enggan dan degil untuk mendirikan sembahyang maka pukulkan anak itu dengan tidak mencederakannya atau membahayakannya.

Sembahyang adalah sebahagian daripada zikir. Berdasarkan faktor inilah ibadat sembahyang difardukan di sepanjang masa sama ada kita sihat atau sakit.

Jom... BANTU ANAK

1 Makan bersama sekerap mungkin sambil berbual apa yang berlaku dalam hidup seharian mereka. Ingat, waktu makan bersama bukan masa sesuai untuk anda memarahkan anak-anak.

2 Jangan anak anda nakal, tapi pasti ada kebaikan yang dilakukannya. Puji setiap kebaikan yang dia buat agar dapat bantu tingkatkan keyakinan dirinya. Pada masa yang sama tegur kesilapannya dengan berhemah.

3 Anak-anak remaja masih mencari-cari Ujalah tuju hidup mereka. Jadi, bantu dia menatapkan maimatam hidup dan fahami apa yang dimintanya. Usaha terlalu memaksa anak-anak mengikut cita-cita kita asalkan kecenderungan anak-anak itu tidak memudaratkan dirinya dan masih ada peluang untuk digilap.

4 Ambil tahu pendidikan anak-anak agar mereka sedar hal itu sangat penting untuk masa depan mereka. Bincanglah dengan guru-guru dan kenali kawan-kawan anak anda.

Pantau pergerakan anak-anak dan ambil tahu di mana dan dengan siapa mereka berkwam atau berada selepas waktu sekolah dan hujung minggu. Selalu ingatkan anak-anak agar berada dalam lingkungan rakan-rakan yang positif dan jauhkan diri daripada kelompok negatif.

5 Tapis bahan-bahan yang ditonton dan dilayari anak-anak menerusi dunia digital agar mereka tidak terjebak dengan banyak unsur negatif. Sambil menonton televisyen anda boleh mendidik mereka dengan menjelaskan beza kehidupan sebenar dengan cerita yang dipaparkan. Sentuh tentang nilai-nilai dalam hidup.

7 Beri peluang kepada anak untuk mereka memberi pendapat dan alasan tersendiri tentang sesuatu perkara. Walaupun pendapat itu berlawanan dengan cara anda, berusaha mencari jalan tengah agar sedikit pendapat mereka tidak ditolak mentah-mentah. Ini kerana naluri remaja mahu menzhahirkan 'kebebasan' dan kematangan mereka. k